

RM15j bantu pelajar UA

Bangi: Universiti awam (UA) di negara ini diperuntukkan RM15 juta bagi membantu pelajar yang memerlukan bantuan dan tahun lalu, hanya RM5 juta digunakan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, sehubungan itu meminta mana-mana mahasiswa yang memerlukan, tampil ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti masing-masing untuk mendapatkan bantuan.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan mengenai pelajar kebuluran di universiti dan percaya ia tidak wujud seperti pernah dilaporkan media.

“Jika ada pelajar yang kebuluran, saya minta mereka tampil dan berjumpa Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar untuk kita bantu,” katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Menteri Pendidikan Tinggi Bersama Pemimpin Mahasiswa IPT di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Mary Yap Kain Ching.

Idris meluangkan masa lebih dua jam beramah mesra dan berdialog dengan 2,000 pemimpin mahasiswa universiti, politeknik dan kolej komuniti seluruh negara.

Terdahulu, beliau melancarkan Projek Berdikari yang bertujuan membantu mahasiswa mendapatkan peluang pekerjaan secara sambilan ketika belajar di universiti.